

Sejarah (940)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang menduduki peperiksaan mata pelajaran Sejarah ialah 25 017 orang. Peratusan calon yang lulus penuh dalam mata pelajaran ini ialah 64.18% berbanding dengan 62.10% pada tahun 2011.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	9.14	4.35	8.01	7.18	10.51	14.13	10.86	6.34	5.69	5.17	18.62

RESPONS CALON

KERTAS 940/1 (TAMADUN DUNIA HINGGA 1800)

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini meningkat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak dapat menguasai fakta yang dikehendaki oleh soalan.
- (b) Calon tidak mengenali tokoh yang dikemukakan dalam soalan, misalnya, calon tidak dapat membezakan Khalifah Umar Abdul Aziz dengan Khalifah Umar al Khattab.
- (c) Calon memberikan jawapan berdasarkan logik akal sahaja dan tidak berdasarkan fakta sejarah yang sebenar.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan pengaruh alam sekitar terhadap kehidupan manusia pada zaman prasejarah. Sebahagian calon dapat memberikan jawapan yang baik, dengan mengemukakan isi jawapan yang lengkap dan huraian serta contoh yang sesuai. Namun begitu, ada calon yang tidak mengaitkan isi jawapan dengan pengaruh alam sekitar tetapi menghuraikan ciri-ciri zaman prasejarah. Jawapan yang baik ialah jawapan yang menghuraikan pengaruh alam sekitar kepada petempatan, cara hidup, peralatan, ekonomi, kepercayaan, organisasi sosial, dan pengkhususan kerja.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan hubungan antara China dengan Alam Melayu dari abad ke-6 Masihi hingga abad ke-14 Masihi. Sebahagian besar calon yang menjawab soalan ini gagal memberikan jawapan yang baik kerana memberikan contoh kerajaan Melayu Melaka sedangkan hubungan antara kerajaan Melayu Melaka dengan China berlaku pada abad ke-15 Masihi. Calon sepatutnya membincangkan hubungan China dengan kerajaan awal di Asia Tenggara, seperti kerajaan Sriwijaya dan Majapahit dalam konteks politik, ekonomi dan keagamaan.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor yang menyebabkan sesuatu perperangan itu berlaku dengan mengemukakan contoh daripada tamadun awal. Terdapat calon yang dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana membincangkan faktor persempadan, peluasan empayar, penghapusan pemberontakan, keagamaan, misi peribadi pemimpin, kedaulatan ekonomi dan politik sesebuah empayar, dan pentadbiran organisasi ketenteraan. Namun demikian, ada calon yang membincangkan perkara-perkara tersebut secara umum dan memberikan contoh yang tidak relevan.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan bandar sebagai pusat kegiatan ekonomi dan keagamaan dalam tamadun awal. Calon perlu membincangkan peranan bandar sebagai pusat kegiatan ekonomi dan perdagangan. Bandar juga berperanan sebagai pusat pelabuhan, pusat kegiatan ekonomi pertanian, dan perindustrian. Dari aspek keagamaan, bandar berperanan sebagai pusat keagamaan dengan terdirinya rumah berhala, candi, dan pusat pendidikan keagamaan. Walau bagaimanapun, ada calon memberikan jawapan yang umum dan tidak dapat memberikan contoh bandar yang sesuai.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan sumbangan falsafah Confucius dalam tamadun China. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini gagal memberikan jawapan mengikut kehendak soalan kerana mereka membincangkan isi jawapan yang berkaitan dengan aspek sosial, seperti hubungan kekeluargaan. Calon sepatutnya menerangkan sumbangan falsafah Confucius dalam aspek moral, kemanusiaan, dan interaksi dengan alam semula jadi, perhubungan individu dengan keluarga, perhubungan individu dengan masyarakat, perundangan, intelektual, politik, dan pentadbiran sesebuah kerajaan.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menilai sumbangan Marco Polo dalam bidang penjelajahan dan penerokaan. Terdapat calon yang gagal membincangkan jawapan seperti yang dikehendaki oleh soalan. Kebanyakan calon hanya menyenaraikan sumbangan Marco Polo dan tidak memberikan penilaian terhadap sumbangan beliau dalam bidang penjelajahan dan penerokaan. Calon sepatutnya menilai sumbangan Marco Polo dalam bidang geografi, kejayaan beliau mengubah persepsi Barat terhadap Asia Timur sekali gus merapatkan hubungan dunia Barat dengan dunia Timur.

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon membandingkan organisasi sosial antara tamadun Indus dengan tamadun China. Jawapan calon yang baik ialah membandingkan peranan golongan memerintah dengan golongan diperintah dalam kedua-dua tamadun tersebut. Calon juga perlu membandingkan peranan kedua-dua golongan tersebut dalam tamadun Indus dengan tamadun China dengan terperinci dan seimbang. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka tidak membuat perbandingan tetapi hanya menghuraikan ciri-ciri organisasi sosial sahaja.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kemajuan bidang perubatan dalam tamadun India dan tamadun Islam. Calon perlu mengemukakan kemajuan bidang perubatan dalam kedua-dua tamadun tersebut dari aspek penghasilan kitab-kitab perubatan, kelahiran tokoh-tokoh perubatan dan pembedahan, dan juga kemajuan bidang farmaseutikal tamadun India dan tamadun Islam.

BAHAGIAN B

Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon membincangkan perubahan yang dibawa oleh Islam kepada masyarakat Arab. Aspek-aspek yang perlu dibincangkan oleh calon ialah aspek agama, sosial, politik, status kaum wanita, kesusasteraan, perundangan, dan konsep jihad. Sebahagian besar calon menjawab soalan mengikut kehendak soalan tetapi ada juga calon yang hanya membincangkan perubahan selepas kedatangan Islam sahaja.

Soalan 10

Soalan ini menghendaki calon membincangkan pembaharuan yang telah dilakukan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz pada zaman pemerintahannya. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menjawabnya dengan baik. Mereka membincangkan dasar pembukaan wilayah, menggalakkan perkahwinan campur, memansuhkan cukai jizyah, melaksanakan dasar ekonomi baru, memansuhkan sambutan perayaan rasmi kerajaan yang dianggap membazir, mengurangkan kadar cukai, menghapuskan nepotisme, menekankan pendekatan ilmu hadis, dan menghapuskan protokol istana. Ada calon yang keliru dengan kehendak soalan, iaitu mereka membincangkan pembaharuan dan sumbangan Khalifah Umar al Khattab, iaitu moyang kepada Khalifah Umar Abdul Aziz.

Soalan 11

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan taktik dan strategi peperangan pada zaman Nabi Muhammad SAW. Calon seharusnya membincangkan pelbagai taktik peperangan, seperti taktik menunggu musuh, bertahan di kubu, mengepung musuh, memperdayakan musuh dengan muslihat perang, menyusun barisan tentera, dan mengadakan perisikan. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini menyatakan isi jawapan yang umum dan ada calon yang menjawabnya dengan tidak mengikut kehendak soalan seperti membincangkan etika peperangan.

Soalan 12

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan pelaksanaan *kharaj* pada zaman Khulafa al-Rasyidin. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang umum sahaja dan memberikan contoh yang tidak relevan dengan kehendak soalan. Calon sepatutnya menghuraikan beberapa aspek berkaitan *kharaj*, seperti jenis pemilikan tanah yang dikenakan *kharaj*, faktor yang menentukan kadar *kharaj*, syarat-syarat tanah yang dikenakan *kharaj* dan kaedah pengutipan *kharaj* oleh pemerintah.

Soalan 13

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan peranan Ibn Taimiyah dalam gerakan islah sehingga tahun 1328 Masihi. Ada calon yang menjawab soalan ini dengan memberikan jawapan yang umum dan tidak membincangkan peranan Ibn Taimiyah secara mendalam. Calon sepatutnya menghuraikan peranan Ibn Taimiyah membanteras bidaah, membersihkan unsur-unsur pemikiran Yunani dalam ilmu kalam, mengecam golongan *wujudiyah*, mempertahankan ulama-ulama salaf, dan menghasilkan kitab-kitab ilmu agama.

Soalan 14

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan faktor yang mempengaruhi seni bina rumah dalam tamadun Melayu. Calon seharusnya menghuraikan faktor-faktor yang berkaitan dengan pengaruh agama, iklim, nilai masyarakat, nilai seni tempatan, dan konsep reruang. Ada calon yang menjawab soalan ini dengan hanya menghuraikan faktor-faktor yang tidak relevan dan umum.

Soalan 15

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sumbangan al-Istakhari dan Sulayman al-Mahri dalam bidang geografi dan pelayaran. Calon seharusnya ialah membincangkan sumbangan al-Istakhari dalam penulisan kitab *al-Masalik wa al-Mamalik* dan memperbaharui penemuan penyelidikan al-Balkhi dan Ibn Hawqal. Sumbangan Sulayman al-Mahri pula dibincangkan melalui penulisan dalam risalah tentang ilmu falak dan ilmu pelayaran.

Soalan 16

Soalan ini menghendaki calon membandingkan pencapaian Socrates dengan al-Kindi dalam bidang falsafah. Calon yang menjawab soalan ini tidak dapat memberikan jawapan yang baik kerana tidak menguasai fakta yang relevan tentang pencapaian kedua-dua tokoh falsafah tersebut. Calon sepatutnya membandingkan pencapaian Socrates dengan al-Kindi dalam bidang falsafah, epistemologi, dan metodologi keilmuan.

KERTAS 940/2 (SEJARAH MALAYSIA, ASIA TENGGARA, ASIA SELATAN, DAN ASIA TIMUR, 1800 HINGGA 1963)

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon adalah baik. Namun demikian, terdapat beberapa kelemahan jawapan yang ketara. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- (a) Calon tidak merancang jawapan dengan baik dan mengemukakan isi jawapan dengan tidak teratur.
- (b) Jawapan calon tidak mempunyai pengenalan dan penutup yang mantap mengikut kehendak soalan.
- (c) Calon sering mengemukakan fakta yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan.
- (d) Calon memberikan isi yang berulang-ulang.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan adat Perpatih dan adat Temenggung dalam masyarakat di Tanah Melayu sebelum campur tangan British. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon berjaya membincangkan adat Perpatih dari segi politik yang bersifat demokratik, sistem ekonomi dan sistem sosial yang bersifat *matrilineal*, dan juga pelaksanaan undang-undang adat Perpatih. Bagi adat Temenggung pula calon berjaya membincangkan peranannya dalam aspek politik yang autokratik, dan aspek sosial dan ekonomi yang bersifat *patrilineal*.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan susun lapis masyarakat Melayu di Tanah Melayu sebelum tahun 1874. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka membincangkannya dengan terperinci tentang susun lapis masyarakat Melayu bermula dengan golongan raja, kerabat diraja, golongan pembesar, penghulu, ulama, rakyat merdeheka, dan golongan hamba. Walau bagaimanapun ada calon yang membincangkan perkara yang tidak relevan dengan kehendak soalan seperti membincangkan susun lapis masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan tindak balas masyarakat tempatan terhadap pentadbiran Syarikat Borneo Utara di Sabah pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Kebanyakan calon gagal

menjawab soalan dengan baik. Calon sepatutnya membincangkan tindak balas penentangan Mat Salleh terhadap entiti Syarikat Borneo Utara di Sabah dan juga faktor-faktor kebangkitan penentangan Mat Salleh terhadap Syarikat Borneo Utara.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon membincangkan faktor yang menyekat penguasaan British dalam bidang pentadbiran di Johor sehingga tahun 1914. Kebanyakan calon berjaya membincangkan faktor tersebut dengan baik apabila membincangkan faktor ketokohan Temenggung Daeng Ibrahim dan Maharaja Abu Bakar, faktor kewibawaan pembesar-pembesar Johor, faktor hubungan baik yang terjalin antara Johor dengan British, dan faktor keamanan di Johor. Walau bagaimanapun, terdapat juga calon yang hanya membincangkan ketokohan Maharaja Abu Bakar sebagai faktor tunggal yang menyekat penguasaan British.

Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membanteras ancaman komunis dari tahun 1948 hingga tahun 1960. Terdapat calon menjawab soalan ini dengan memberikan jawapan yang umum. Mereka hanya menjelaskan kawasan putih dan hitam semasa zaman darurat. Calon sepatutnya menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan, seperti mengisyiharkan undang-undang darurat, gerakan tentera dalam memerangi komunis, Rancangan Briggs, strategi perang saraf, dan Rundingan Baling.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon membincangkan dasar luar Malaysia dari tahun 1957 hingga tahun 1963. Sebahagian besar calon gagal menjawab soalan ini dengan baik kerana tidak memahami konsep dasar luar yang diamalkan oleh Malaysia. Calon sepatutnya membincangkan dasar luar Malaysia yang pro-Barat dalam tempoh tersebut. Calon juga perlu membincangkan pengaruh faktor ekonomi dalam menentukan dasar luar Malaysia dari tahun 1957 hingga tahun 1963.

BAHAGIAN B

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan adat yang diamalkan oleh masyarakat Vietnam dan Thailand sebelum kedatangan Barat. Namun begitu, kebanyakan calon menghuraikan adat yang diamalkan di Thailand secara terperinci tetapi menghuraikan adat di Vietnam secara umum sahaja. Calon sepatutnya menghuraikan adat di Vietnam, seperti mengutamakan hubungan kekeluargaan, adat menjual anak, adat menyewakan tenaga, dan juga adat perkahwinan. Bagi adat masyarakat Thailand pula calon perlu menghuraikan adat menghadap raja, adat menyembah raja, adat menjual isteri dan anak, dan adat larangan terhadap keluarga diraja.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan sistem ekonomi tradisional di India dan China sebelum kedatangan kuasa Barat. Sebilangan besar calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Ada calon menjawabnya dengan menghuraikan ekonomi yang berasaskan ekonomi komersil. Hal ini menunjukkan calon tidak memahami konsep ekonomi tradisional. Calon sepatutnya menghuraikan kegiatan pertanian sebagai asas ekonomi bagi kedua-dua buah negara tersebut. Aktiviti ekonomi sara diri yang lain ialah penangkapan ikan, pemungutan hasil hutan, kegiatan perlombongan, dan aktiviti perdagangan berskala kecil.

Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon membincangkan kesan Perjanjian Kanagawa pada tahun 1854 di Jepun dan Perjanjian Bowring pada tahun 1855 di Thailand. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka dapat membincangkan syarat-syarat bagi kedua-dua perjanjian tersebut. Calon juga dapat menjawabnya mengikut kehendak soalan. Mereka membincangkan kesan Perjanjian Kanagawa dan Perjanjian Bowring dengan memberikan rumusan bahawa impak bagi kedua-dua perjanjian tersebut telah merintis usaha pemodenan di Jepun dan di Thailand.

Soalan 10

Soalan ini menghendaki calon membincangkan gerakan komunis di Indonesia dan di China sebelum Perang Dunia Kedua. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang baik kerana jawapan yang diberikan bersifat umum dan calon tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam untuk membincangkan kehendak soalan. Calon sepatutnya membincangkan peranan Parti Komunis Indonesia (PKI) di Indonesia dan Parti Komunis China (PKC) di China sebelum Perang Dunia Kedua.

Soalan 11

Soalan ini menghendaki calon membincangkan peranan Persatuan Belia Buddha di Myanmar dan peranan Sarekat Islam di Indonesia dalam perkembangan gerakan kebangsaan sehingga tahun 1920-an. Kebanyakan calon hanya membincangkan peranan Persatuan Belia Buddha dan Sarekat Islam secara umum sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak dapat membincangkan kehendak soalan kerana calon tidak menguasai fakta yang relevan tentang Persatuan Belia Buddha dan Sarekat Islam. Calon sepatutnya dapat membincangkan perubahan peranan Persatuan Belia Buddha dan Sarekat Islam daripada sebuah pertubuhan sosial kepada pertubuhan politik. Calon juga seharusnya menunjukkan kedua-dua pertubuhan ini memainkan peranan penting semasa tahap awal gerakan kebangsaan.

Soalan 12

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan dasar luar Myanmar dan Filipina selepas Perang Dunia Kedua. Sebilangan besar calon tidak dapat menghuraikan dasar luar bagi kedua-dua buah negara tersebut selepas Perang Dunia Kedua. Penguasaan calon terhadap topik ini lemah dan calon menjawab secara umum sahaja. Calon sepatutnya dapat menghuraikan dasar luar bagi kedua-dua buah negara dan membuat perbandingan dasar luar yang melibatkan kedua-dua buah negara.